

PENYAKIT HAIWAN DALAM PERIBAHASA MELAYU MENELUSURI KEARIFAN TEMPATAN

ANIMAL DISEASES IN MALAY PROVERBS: A SEARCH FOR LOCAL KNOWLEDGE

Wan Norasyikin Wan Ismail ¹

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Email: wsikin@dbp.gov.my

Article history

Received date : 11-10-2022
Revised date : 12-10-2022
Accepted date : 5-12-2022
Published date : 10-12-2022

To cite this document:

Wan Ismail, W. N. (2022). Penyakit Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Menelusuri Kearifan Tempatan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 26 - 34.

Abstrak: Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan makna yang tersirat berkaitan dengan penyakit manusia yang dilambangkan dengan perlakuan haiwan. Data kajian diperoleh dari Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Peribahasa berunsurkan haiwan digunakan sebagai perlambangan untuk menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Melalui peribahasa, pemikir Melayu menyampaikan maksud tentang pengalaman hidup dan ilmu. Oleh itu dengan mengangkat beberapa contoh peribahasa Melayu yang berkaitan dengan haiwan jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bijak dalam menukilkan haiwan sebagai perlambangan untuk menyampaikan maksud. Dapatan kajian menunjukkan bahawa di sebalik peribahasa ada ilmu yang ingin disampaikan, namun semuanya bergantung kepada sudut pandang penuturnya.

Kata kunci: Peribahasa, Haiwan, Penyakit

Abstract: This paper aims to explain the implicit meanings related to human diseases symbolised by the behaviour of animals. The data of the research was obtained from the Malay Literary Reference Center (PRPM) of Language and Library Council (DBP) (Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)). Animal proverbs are used as symbols to describe the reality of the Malay community life which has its own special characteristics. Through proverbs, Malay thinkers convey the meaning of life experience and knowledge. Therefore, by highlighting some examples of Malay proverbs related to animals, it clearly shows the local wisdom in using animals as symbols to convey meanings. The findings of the study show that proverbs are wise sayings that convey knowledge depending on the speaker's point of view.

Keywords: Proverb, Animal, Disease

Pengenalan

Masyarakat Melayu memahami bahasa bukan sahaja setakat urutan perkataan yang boleh memberi makna. Bahasa pada masyarakat Melayu adalah paparan tingkah laku dan jiwa penuturnya dan sekali gus mencerminkan akal budi penuturnya (Jalaluddin & Mohamad: 2018). Peribahasa yang terdiri daripada simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan mengandungi falsafah yang mempunyai nilai makna dan mesej yang dapat disesuaikan mengikut zaman. Peribahasa merakamkan budaya masyarakat yang berkait dengan cara hidup, ekonomi, ilmu sains, matematik dan juga perubatan. Jika dibuat penelitian yang mendalam peribahasa juga mencatatkan pelbagai jenis penyakit manusia. Jenis-jenis penyakit yang dihadapi manusia ini dikaitkan dengan haiwan dalam peribahasa. Haiwan-haiwan ini dijadikan perbandingan dan perlambangan supaya masyarakat Melayu lebih memahami tentang sesuatu perkara yang ingin disampaikan.

Haiwan yang menjadi perlambangan ialah haiwan yang lebih dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu khususnya haiwan peliharaan. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan haiwan dan manusia mempunyai pertalian yang sangat akrab. Hasil pemerhatian yang tajam dan teliti terhadap alam persekitarannya mencetuskan peribahasa yang berkaitan dengan penyakit. Justeru, makalah ini akan cuba membuat penelitian terhadap jenis-jenis penyakit manusia yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Terdapat pelbagai peribahasa yang mengungkapkan tentang orang yang sakit dan penyakit yang dihadapi. Misalnya, seperti peribahasa *seperti kura-kura terlentang* yang bermaksud orang sakit yang terbaring tidak berdaya. *Seperti cicak kering*, iaitu keadaan rupa orang yang sakit (kurus), *bagai haruan di dalam tuar* yang menunjukkan keadaan resah dan gelisah kerana kesakitan, *bagai ayam disambar helang* yang bermaksud mati secara tiba-tiba tanpa sakit dan banyak lagi peribahasa yang merujuk kepada makna sakit. Sesuatu penyakit yang sukar untuk diubati dan jika gagal mendapat penawar yang sesuai boleh membawa maut seperti dalam peribahasa *datang tiada dijemput, dihalau dia berpaut, salah hemat kita diangkut*.

Sorotan Kajian

Kepentingan peribahasa terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji sebelum ini. Kajian bukan sekadar bertumpu kepada kajian peribahasa secara umum yang menjelaskan tentang kepentingan penciptaan peribahasa, tetapi kajian peribahasa yang lebih mengkhusus berteraskan pendekatan tertentu. Antaranya Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) menerusi kajiannya *Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu* mendapati dengan penggabungan jalinan semantik inkuisitif ke dalam pengajaran peribahasa, pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harfiah peribahasa tersebut dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran peribahasa lebih bermakna. Seterusnya, Muhammad Zaid Daud (2020) *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*, mencungkil pemikiran leksikal unggas dalam peribahasa Melayu yang dikaitkan dengan makna implisit berdasarkan kognitif dan falsafah kehidupan masyarakat pada zaman dahulu.

Siti Nur Izzaty Salit dan Norsimah Mat Awal (2017), *Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif*. Teori semantik kognitif digunakan bagi menganalisis unsur-unsur feminisme tersebut terutamanya dalam aspek skema imej dan metafora konseptual. Unsur-unsur feminisme dalam peribahasa Melayu telah diklasifikasikan kepada tiga aspek, iaitu ciri-ciri positif wanita iaitu sifat dan sikap positif wanita, ketinggian darjat wanita yang mengambil kira kedudukan wanita dalam masyarakat dan martabat wanita sebagai ibu serta kategori peningkatan taraf atau kualiti hidup wanita. Namun, kajian ini juga menolak

sebahagian kajian lepas yang hanya menumpukan wanita dalam ruang lingkup yang negatif sahaja kerana kajian mendapati bahawa wanita yang mempunyai ciri kepositifan itu ada juga diperkatakan dalam peribahasa.

Neo, K.S. et al. (2014) dan Ragavan, R. & Che Ibrahim (2015) melalui kajiannya, *Metafora Imej-imej dalam Peribahasa Melayu dan Cina* merumuskan bahawa orang Melayu dan orang Cina menggunakan imej haiwan yang sama untuk menyampaikan sesuatu maksud yang sama, walaupun mereka berasal daripada rumpun budaya yang berbeza. Perbezaan kecil yang ditemukan hanyalah disebabkan persekitaran, cara hidup dan sistem nilai kehidupan orang Cina dan Melayu pada zaman dahulu. Dapatan yang sama turut dikongsi oleh Ragavan, R. & Che Ibrahim (2015), melalui kajiannya, *Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Sosial*. Pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu dan India mempunyai persamaan dari segi budaya dan kandungan unsur yang tersirat dalam peribahasa yang digunakan, terutamanya persamaan dari aspek sosial.

Hishamudin Isam et al. (2014) melalui kajiannya, *Domain Changes in Defining Darah (Blood): An Analysis of Communication Style in Malay Proverbs* pula bertujuan pula melihat perubahan makna darah dalam peribahasa Melayu. Pengkaji berjaya menjelaskan bahawa penggunaan leksikal darah telah mengalami perubahan yang besar dari segi domain yang mendasari maknanya. Bermula daripada domain cecair yang memerikan darah, bertukar menjadi perasaan dan sikap, yang kesemuanya menunjukkan kehalusan dan ketajaman akal budi orang Melayu ketika berbahasa.

Kajian-kajian yang dilakukan ini bukan sekadar kajian peribahasa secara umum yang menjelaskan tentang kepentingan peribahasa dan peranannya namun kajian yang dilakukan lebih mendalam dan spesifik sifatnya. Kajian yang dilakukan ini kesemuanya menunjukkan kehalusan dan ketajaman akal budi orang Melayu ketika berbahasa. Masih banyak maklumat dan persoalan menarik yang dapat diungkapkan dalam peribahasa. Kajian tentang peribahasa ini begitu luas sifatnya dan pelbagai bidang boleh diterokai untuk dijadikan kajian misalnya, pelbagai penyakit haiwan yang diungkapkan dalam peribahasa.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan penyelidikan mengaplikasikan analisis dokumen. Data kajian diperoleh daripada Pangkalan Data Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) Dewan Bahasa dan Pustaka. Data peribahasa ini dipilih berdasarkan kata kunci 'penyakit' yang diterangkan dalam ruangan maksud peribahasa. Dalam menyempurnakan kajian ini, Kamus Dewan Perdana dimanfaatkan untuk mendapatkan kepastian tentang makna dan maksud sesuatu perkataan. Hal ini demikian kerana kamus ialah tempat merekodkan dan merakam data bagi melihat sesuatu leksikal.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Tabiat binatang yang sering ditemui oleh masyarakat Melayu menjadi perhatian dan renungan mereka sehingga tercetusnya peribahasa yang berkaitan dengan haiwan (Jalil: 2000). Begitu juga dengan beberapa jenis penyakit manusia yang dikaitkan dengan kelakuan dan sifat haiwan untuk mereka lebih mudah memahami pengajaran yang ingin disampaikan. Pemilihan perlambangan yang ingin disampaikan memenuhi ciri, fungsi dan sifat yang terdapat pada haiwan tersebut. Hal ini menggambarkan cara berfikir masyarakat Melayu hanya dapat difahami di sebalik susunan kata yang indah. Antara penyakit yang terdapat dalam peribahasa

ialah penyakit anemia, paru-paru, masalah penglihatan, kelamin, pening, kecacangan, dan epilepsi.

Penyakit Anemia

Anemia merupakan penyakit yang diakibatkan oleh kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dalam darah yang menyebabkan seseorang letih dan pucat (Kamus Dewan Perdana: 2020). Masalah kurang darah merujuk kepada tahap pigmen hemoglobin dalam darah yang rendah. Hemoglobin adalah pigmen dalam komponen sel darah merah yang bergabung dengan oksigen dari udara agar ia boleh dibawa oleh sistem pengangkutan badan dari jantung kepada organ dalaman. Kesan anemia dapat dialami oleh seseorang individu apabila mekanisme fisiologi dalam sistem peredaran darah dan reaksi tindak balas dalam sistem hemopoiesisnya tidak lagi mampu menampung keperluan badan. Antara simptomnya ialah kurang bertenaga, cepat letih, mengantuk, pening, sakit kepala, kesejukan pada kaki dan tangan, sering berdebar, sesak nafas, sakit perut di sebelah atas bahagian kanan, gangguan pada keseimbangan badan, gangguan saraf periferi dan perubahan pada penampilan diri (Noor: 2017).

Berdasarkan simptom penyakit ini masyarakat Melayu mencipta peribahasa yang berkaitan dengan haiwan bagi menggambarkan situasi penyakit tersebut. Tabiat binatang yang sering ditemui oleh masyarakat Melayu menjadi perhatian dan renungan mereka sehingga tercetusnya peribahasa yang berkaitan dengan haiwan ini (Jalil:2000). Begitu juga dengan beberapa jenis penyakit manusia yang dikaitkan dengan kelakuan haiwan seperti dalam peribahasa *seperti ayam dimakan tungau*, *seperti ayam kena lengit* dan *seperti ayam kena sampar* bermaksud orang yang pucat lesi dan tidak berdaya kerana sakit dan mengalami kekurangan darah. Keadaan manusia yang sakit dan tidak aktif ini diumpamakan seperti ayam dimakan tungau, terkena lengit dan terkena sampar. Tungau ialah sejenis kutu yang halus seperti tuma yang terdapat pada badan ayam dan kera. Kutu ini aktif pada waktu malam dengan cara menghisap darah perumahnya (Rahman: 2019) dan menyebabkan ayam ini mati seperti yang diungkapkan dalam peribahasa *mati ayam*, *mati tuma*. Melalui pemerhatian yang teliti masyarakat Melayu pada waktu itu telah tahu punca penyakit yang menyebabkan ayam mereka mati. Bagi menghapuskan tungau-tungau yang terdapat pada ayam ini mereka akan menggunakan asap daripada pembakaran daun kelapa. Reban ayam akan diasapi setiap petang untuk membunuh tungau ini.

Bagai ayam mabuk tahi pula merujuk kepada keadaan ayam yang tidak aktif, lemah dan sakit. Selain diberi makanan oleh tuannya ayam kampung biasanya dilepas bebas mencari makanannya sendiri. Antara makanannya ialah padi, beras, jagung, ubi, cacing, ulat dan lain-lain lagi. Ayam tidak memilih makanan, apa yang ditemuinya akan dimakan termasuklah najisnya sendiri. Apabila ayam tersebut makan terlalu banyak najisnya sendiri haiwan tersebut akan merasa pening, berjalan tidak stabil dan terhuyung-hayang dan inilah yang dikatakan mabuk. Situasi ayam inilah yang dikaitkan dengan keadaan manusia yang sakit, wajah yang pucat lesi kerana sakit dan kekurangan darah *bagai ayam mabuk tahi*.

Bagai ayam berak kapur juga merujuk kepada orang yang sedang sakit, wajahnya kelihatan pucat dan tidak bermaya kerana tiada selera makan. Ayam yang berak kapur merujuk kepada najis yang dikeluarkan oleh ayam tersebut berwarna putih seakan-akan kapur. Ayam ini dihinggapai sejenis penyakit yang dinamakan *pullorum disease*. Penyakit ini boleh menyebabkan kematian kepada anak-anak ayam dan ayam dewasa. Ayam yang terkena penyakit ini akan menyebarkan kepada ayam-ayam yang lain. Penyakit berak kapur

disebabkan oleh bakteria *Salmonellapullorum*. Ayam yang mendapat penyakit ini kelihatan lesu tidak berselera makan, lemah dan pergerakan yang tidak aktif serta kurang menghasilkan telur dan akan merugikan penternak. Untuk mengelakkan penyakit ini daripada menular ayam yang terkena penyakit perlu dikuarantin. Keadaan ayam yang mengidap penyakit berak kapur ini dijadikan kiasan dan perlambangan kepada manusia yang mempunyai ciri-ciri penyakit haiwan tersebut.

Penyakit Paru-paru

Paru-paru ialah organ di dalam badan yang mengandungi gelembung-gelembung udara atau *alveoli*. *Alveoli* bertanggungjawab untuk penukaran gas oksigen dan karbon dioksida (Razali: 2012). Penyakit paru-paru seperti pneumonia berlaku disebabkan oleh jangkitan kuman bakteria, virus, oleh kulat dan parasit. Bagi orang yang mengidap penyakit paru-paru ia berkaitan dengan sistem pernafasan. Sesak nafas adalah sesuatu perasaan susah bernafas atau pernafasan yang tidak selesa. Masyarakat Melayu mengenalinya dengan panggilan semput atau pendek nafas. Masalah sistem pernafasan merupakan sesuatu yang normal tetapi boleh mendatangkan kemudaratan jika ianya berlarutan dalam tempoh yang lama.

Bagi menggambarkan seseorang yang menghadapi masalah pernafasan masyarakat Melayu mengaitkannya dengan perilaku ayam. Peribahasa *ayam termakan rambut* bermaksud orang yang menghidap sakit paru-paru. Kiasan ini menunjukkan bagaimana reaksi ayam apabila termakan rambut atau benang yang menyebabkannya sukar bernafas. Ayam akan merasa kurang selesa dan akan berusaha untuk mengeluarkan rambut atau benang itu sehingga berjaya. Jika situasi ini berterusan ayam tersebut akan mati. Hal ini dikaitkan dengan manusia yang mengalami kesukaran untuk bernafas.

Proses pertukaran gas oksigen dan karbon dioksida di dalam paru-paru yang terganggu boleh menyebabkan sesak nafas dan membawa maut jika tidak dirawat dengan cepat. Sakit dada dan sesak nafas ini menyebabkan degupan jantung berdebar-debar, muka pucat ataupun berwarna kebiru-biruan adalah petanda kritikal dan memerlukan rawatan segera (Abdullah:2012). Faktor risiko sesak nafas ini biasanya termasuklah faktor risiko klinikal seperti asma, penyakit paru-paru kronik, kegagalan jantung dan penyakit pembuluh koronari. Selain itu pendedahan ke atas bahan toksin juga boleh menimbulkan keradangan paru-paru seperti asap rokok dan bahan toksin kilang. Pada masa kini masalah kesukaran bernafas biasanya akan dihadapi oleh pesakit Covid-19.

Penyakit Masalah Penglihatan

Menghadapi masalah penglihatan merupakan perkara biasa kepada masyarakat kita pada hari ini. Hal ini disebabkan oleh faktor pekerjaan pada masa kini yang banyak menggunakan komputer menyebabkan mata terpaksa bekerja kuat. Kanak-kanak yang menggunakan gajet tanpa kawalan dan had masa tertentu berisiko tinggi mengalami mata kabur dan kering serta rabun jauh. Aktiviti melihat objek pada jarak dekat untuk jangka masa yang lama akan memberi tekanan kepada otot mata, sehingga menyebabkan masalah rabun.

Seseorang yang mempunyai masalah penglihatan pada waktu senja dikatakan *rabun ayam*, *buta ayam*, *mata ayam* dan *buta malam*. Hasil pemerhatian yang tajam dan teliti terhadap sifat ayam ini masyarakat Melayu mengetahui bahawa kelemahan ayam ialah tidak dapat melihat apabila cahaya gelap. Ayam mempunyai penglihatan binokular, iaitu mempunyai penglihatan yang cukup baik dan boleh melihat objek dari jarak jauh. Namun kelebihan ini hanya pada waktu siang sahaja. Kelemahan sifat ayam pada waktu malam digambarkan seperti dalam peribahasa

bila ayam diasak malam yang bermaksud sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Kesempatan ini diambil oleh musang untuk menyamar sebagai ayam seperti dalam peribahasa *musang berbulu ayam*. Penyakit rabun ayam ini atau rabun senja merupakan sejenis penyakit yang dikenali sebagai *Nyctalopia*. Masalah rabun ini disebabkan oleh penyakit mata seperti *glaukoma*, *retininitis*, *pigmentosa*, *ketara*, *katarak* yang berpunca daripada kekurangan vitamin A.

Penyakit Kelamin

Masyarakat Melayu begitu menjaga tutur kata agar tidak melukakan hati orang yang dilawan bercakap. Bagi menjaga air muka pesakit dan keluarganya kerana penyakit ini menjangkiti tempat sulit manusia, maka peribahasa digunakan sebagai kiasan dalam berkomunikasi. Bagi merujuk kepada penyakit kelamin mereka menggunakan peribahasa sebagai perlambangan. Penyakit kelamin ialah penyakit yang tersebar melalui hubungan seksual antaranya sifilis. Penyakit ini merupakan penyakit berjangkit, yang dibawa oleh kuman *Treponemapallidum*. Sifilis boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu yang boleh berjangkit melalui hubungan seks dan yang dijangkiti semasa hamil (Mohamad:1992). Oleh sebab penghidap penyakit ini menyerang anggota sulit wanita dan lelaki, masyarakat Melayu menggunakan peribahasa untuk merujuk kepada penyakit tersebut. Contohnya *dimakan kapang habis berlubang*, *raja singa* dan *abilah peringgi*.

Dalam peribahasa *dimakan kapang habis berlubang* bermaksud orang yang menderita penyakit kelamin. Kapang dalam peribahasa ini merupakan perlambangan kepada kuman yang menyebabkan penyakit tersebut. Kapang ialah sejenis teritip atau siput yang melekat pada kayu atau sampan. Lama-kelamaan kapang ini akan memakan kayu sedikit demi sedikit dan akhirnya menyebabkan sampan atau bot nelayan berlubang dan rosak. Kapang ini biasanya terdapat dalam air masin dan jika dibiarkan akan membiak dengan begitu cepat dan merosakkan tempat yang ditumpangnya. Penyakit sifilis yang mendiami organ pembiakan lelaki dan wanita, perlu diberikan rawatan segera. Jika tidak dirawat di peringkat awal kuman ini akan merebak ke tempat lain dan boleh menyebabkan kematian seperti mana kapang memakan kayu.

Begitu juga dengan simpulan bahasa *raja singa* yang merujuk kepada penyakit sifilis. Singa melambangkan seekor haiwan yang garang, kuat, ganas dan ditakuti oleh semua binatang termasuklah manusia. Gambaran sedemikian diberikan bagi merujuk kepada penyakit ini yang boleh berjangkit dan membahayakan orang yang dijangkiti. Penyakit ini juga dikenali dengan panggilan *abilah Peringgi*. Penggunaan nama-nama haiwan ini sebagai perlambangan dalam peribahasa adalah bertujuan untuk pengajaran dan peringatan tentang bahaya sesuatu penyakit. Masyarakat akan lebih memahami apabila dibuat perbandingan dengan kelakuan dan sifat haiwan tersebut.

Penyakit Pening

Mengalami masalah pening kepala merupakan perkara biasa bagi semua orang. Pening kepala menggambarkan rasa tidak sedap di bahagian kepala seperti terawang-awang, rasa berpusing dan menyebabkan badan tidak stabil untuk berjalan. Situasi pening ini dinamakan pening lalat. Pening lalat boleh berlaku secara tiba-tiba dan berlangsung selama beberapa saat atau lebih. Antara punca pening lalat ialah migrain, peredaran darah yang lemah, gula dalam darah yang rendah dan dehidrasi. Mabuk lalat juga merujuk kepada penyakit pening yang dialami oleh manusia. Biasanya pening lalat dan mabuk lalat ini merujuk kepada keadaan pening yang tidak kuat. Keadaan lalat yang terbang berpusing-pusing seakan-akan melelong, itulah yang dikatakan lalat pening. Perilaku lalat ini menjadi pemerhatian sehingga mencetuskan peribahasa

pening lalat dan mabuk lalat. Namun perlu diingat jika merasa pening kepala yang berterusan perlulah segera untuk mendapatkan rawatan.

Penyakit Kecacingan

Perkataan cacing yang digunakan dalam peribahasa membawa erti beberapa jenis binatang yang berbentuk bulat, pipih panjang dan tiada beranggota. Hidupnya di dalam air, tanah, perut manusia dan binatang (Surin: 1992). Cacing dalam konteks parasitologi merupakan organisma yang mengancam kesihatan sejumlah besar manusia. Dari segi perubatan Melayu, tradisional cacing merujuk kepada penyakit yang disebabkan oleh parasit tersebut. Terdapat pelbagai jenis cacing yang membawa penyakit, iaitu cacing kerawit (*enterbiusvermicularis*), cacing gelang-gelang (*ascaris lumbricoides*), cacing besar (cacing pita, cacing pipih, cacing gelang-gelang raja, cacing panjang), cacing darah (larva agas, chironomus) cacing rambu (berengga, *chrysomya*), cacing biar-biar dan cacing angin.

Pengaruh cacing dalam kehidupan masyarakat Melayu mencetuskan penciptaan peribahasa berkaitan cacing. *Mencacing* bermakna orang yang sangat kurus badannya menderita kerana banyak cacing di dalam usus. Mereka yang mengalami masalah kecacingan ini akan kelihatan pucat, letih, mengalami kekurangan darah, perut menjadi kembung dan buncit. Jangkitan cacing terutamanya cacing kerawit akan menembusi kulit tapak kaki manusia dan bergerak masuk ke dalam usus manusia. Jangkitan cacing boleh berlaku di mana-mana bahagian badan seperti mata, hati, paru-paru dan salur darah dan melalui sentuhan pada kulit. Jangkitan cacing juga boleh diperoleh melalui sentuhan daripada haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing.

Penyakit berkaitan cacing juga digambarkan dalam peribahasa *cacing naik ke mata* dan *biar-biar naik ke mata* membawa maksud sesuatu perbuatan yang melampau. Hal ini merujuk kepada cara hidup cacing yang biasanya tinggal dalam usus dan perut manusia telah naik sampai ke mata. Penyakit ini jika tidak dirawat akan menyebabkan rabun dan buta apabila cacing kerawit ini telah sampai ke mata. Jika cacing itu kekal lebih lama dalam mata seseorang individu, ia boleh menyebabkan parut pada kornea dan kemungkinan besar mangsa boleh mengalami buta (Reuters:2018). Biar-biar merupakan sejenis cacing yang terdapat dalam perut manusia atau haiwan. Dalam perubatan Melayu terdapat cacing yang benar-benar menyerang mata di bawah *konjuntiva gater*. Seorang ahli sains semasa penjajahan Inggeris di Tanah Melayu mengandaikan bahawa parasit yang dimaksudkan ialah cacing (*thelazia callipaeda*) yang menyerang mata anjing, dan mata kanak-kanak (Johari: 1992). Jika cacing ini menyerang organ lain ia boleh menyebabkan masalah kesihatan yang lebih serius seperti mengalami sawan, radang selaput otak dan jaundis.

Penyakit Epilepsi

Epilepsi atau lebih dikenali dengan istilah sawan babi dikaitkan dengan kekejangan yang berulang tanpa demam. Hal ini berlaku hasil ketidaknormalan otak pesakit yang menyebabkan ia merangsang gerakan otot secara tiba-tiba (Yasin: 2007). Epilepsi boleh menyerang pesakit di mana sahaja sama ada ketika sedang memandu ataupun ketika sedang melakukan aktiviti lain. Pesakit biasanya terdedah kepada risiko tergigit lidah. Lidah pesakit boleh menyekat salur pernafasan. Apabila hal ini berlaku masyarakat Melayu akan mengambil objek yang keras seperti sudu, kayu dan pembaris. Objek tersebut akan dimasukkan ke dalam mulut pesakit untuk mengelakkan daripada lidahnya tergigit yang boleh mendatangkan kecederaan kepada pesakit.

Daripada pemerhatian dan pengamatan yang tajam masyarakat Melayu mencipta peribahasa bagi menamakan sesuatu penyakit. Penyakit epilepsi mempunyai ciri-ciri yang sama dengan

babi yang terkena sawan. Babi juga dikaitkan dengan beberapa penyakit dalam budaya Melayu. Dalam peribahasa Melayu terdapat tiga jenis penyakit yang berkaitan dengan babi, iaitu *sawan babi*, *gila babi* dan *pitam babi*. Baki (1993) mengatakan bahawa gila babi selalunya dikaitkan dengan epilepsi, iaitu *epilepsi grand mal* dan *petit mal*. Pemberian nama penyakit ini adalah berdasarkan pemerhatian masyarakat Melayu terhadap haiwan-haiwan yang berada dalam persekitarannya. Orang yang mengidap penyakit ini akan mengeluarkan buih di mulutnya, berbunyi dan menyondol seperti babi. Penyakit *gila babi* atau *pitam babi* ini menyerang tidak mengira masa atau peringkat usia. Apabila berlaku serangan pesakit akan menyungkur seperti babi malahan ada pesakit yang tidak dapat mengawal kencing dan berak mereka.

Selain gelaran kepada penyakit ini yang begitu rendah dan hina, masyarakat Melayu mengaitkannya dengan haiwan tersebut kerana kelakuannya semasa dalam sawan boleh menjatuhkan maruah. Menurut Baki (1993), sawan babi tidaklah seteruk gila babi. Sawan lebih dikenali dengan nama konvulsi yang disebabkan oleh demam panas. Jika dibandingkan dengan gila babi, sawan babi tidak mempunyai implikasi najis dan penghinaan. Oleh sebab penghidap sawan ini memalukan keluarga ada sesetengah ibu bapa yang tidak membawa anak mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital.

Penutup

Melalui haiwan dalam peribahasa terserlah pemikiran masyarakat Melayu yang mempunyai akal budi yang tinggi, diungkapkan dengan nada berkias, perlambangan dan perbandingan. Mereka mampu mengungkapkan rangkaian ilmu berdasarkan pemerhatian terhadap persekitarannya. Melalui kebijaksanaan dan cara yang berhemah maksud yang tersurat disampaikan dengan cara tersirat tanpa menyinggung perasaan orang lain yang mendengarnya. Justeru itu, nama-nama penyakit juga dikaitkan dengan haiwan sebagai perbandingan untuk mereka lebih memahami tentang sesuatu penyakit tersebut tanpa penghuraian yang panjang. Cukup sekadar menggunakan beberapa patah kata sahaja masyarakat Melayu memahami mesej yang ingin disampaikan.

Rujukan

- Abdullah, M.F. (2012). Sakit Dada dan Sesak Nafas Akibat Paru-Paru Bocor. *Core: Volume 2*. 2012.
- Baki, M.S. (1993). Tingkah Laku Tak Normal. In. Othman, A.H (Ed.). *Psikologi Melayu*, 344-386. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Tesis Master Sastera (linguistik). Universiti Malaysia Sarawak.
- Hassan, S, Mokhtar, M.M., Othman, S. & Sabil, A.M. (2021) Penerokaan Potensi Modul Permainan Peribahasa ADDIE terhadap Penguasaan Penulisan Rumusan dalam Talian Google Meet dan E-Mel. *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal* 2(1) (2021), 86-98
- Isam et al. (2014). Domain Changes in Defining Darah (Blood): An Analysis of Communication Style in Malay Proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155 (2014) 209 – 214.
- Jalaluddin, N.H., & dan Mohamed, A. (2018) Abstraksi Objek Konkrit dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa Jilid 18 Bil. 2* Disember 2018.
- Jalil, .A.J. (2000). Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melayu dalam Peribahasa. In Harun. Yaacob,H. (Ed.), *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. *Melayu*, 344-385. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, W.R.W. (1992). *Ilmu Puteri Islam*. Selangor. Fajar Bakti.

- Neo, K. S., Heng B. C. & Lee S. Y. (2014). *Metafora Imej-Imej dalam Peribahasa Melayu dan Cina*. Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Shah Alam.
<http://versys.uitm.edu.my/prisma/view/viewPdf.php?pid=53086>.
- Noor, S.M. (2017). *Anemia 1001 Persoalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pragavan dan Salleh. (2015). Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Sosial. *Journal of Business and Social Development*. Volume 3 Number 1, March 2015: 66-75.
- Rahaman, S.H.A, & Nahar. N. A. (2020) *Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam*, International Young Scholars Journal of Languages.
- Rahman, A.A. (2019). *Beternak Ayam Kampung Petelur*. PT. Agromedia Pustaka. Indonesia.
- Razali, N.M. (2012). *Radang Paru-paru*. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/radang-paru-paru/>.
- Reuter: 2018. *Cacing Bersarang dalam Mata Wanita*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/global/2018/02/312717/cacing-bersarang-dalam-mata-wanita>.
- Salit, S.N.I & Awal, N.M. (2017). Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Konigtif. *Jurnal Linguistik Vol.21 (2) Disember 2017 (015-023)*.
- Sidang Editor. (2020). *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Subet, M.F & Nasir, M.R.M. (2019). Analisis Semantik Inkuisituf Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 16 (No.2) Disember 2019:227-253*.
- Surin, J. (1992). *Penyakit Parasit dan Pelesit Masyarakat*. Pelita Bahasa (10): 10-11.
- Yasin, M.M. (2007). *Buku Teks Persatuan Bulan Sabit Merah*. Selangor. Cerdik Publication Sdn. Bhd.
- Zakaria, M. (1992). *Tumbuhan dan Perubatan Tradisional*. Selangor. Fajar Bakti.